

18/9/2016

SIARAN MEDIA 2:

PERASMIAN STESEN PAM 2 BUKIT DUMBAR

STESEN PAM AIR BARU DENGAN KOS RM11.9 JUTA UNTUK PULAU PINANG

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

PULAU PINANG, Ahad 18/9/2016: PBAPP telah membina stesen pam air baru bagi "memantapkan lagi jaminan bekalan air yang baik dan berterusan" ke Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas (FTZ), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan semua kawasan selatan pulau itu.

Stesen Pam 2 Bukit Dumbar (BD2), yang dibina dengan kos RM11.9 juta, direka bentuk untuk mengepam sehingga 270 juta liter air sehari (JLH). Dengan beroperasinya stesen pam ini, ia akan memberi manfaat kepada lebih kurang 315,000 rakyat di bahagian pulau.

Stesen pam ini akan:

- Melengkapi operasi mengepam air PBAPP di Bukit Dumbar untuk manfaat FTZ, lapangan terbang dan 315,000 rakyat;
- Mempertingkatkan kecekapan mengepam air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke kawasan selatan Pulau Pinang setiap hari; dan
- Mengurangkan kos pengepaman ke Kolam Air Bukit Gedung setiap hari untuk menyokong keperluan air terawat di Teluk Kumbar, Gertak Sanggul dan Balik Pulau.

BD2 dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng, hari ini.

Bermulanya operasi stesen pam baru ini mencerminkan komitmen PBAPP ke arah peningkatan berterusan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang

sejajar pensijilan antarabangsa ISO 9001: 2008.

Pengoperasiannya akan melengkapinya operasi sebuah lagi stesen pam, Stesen Pam 1 Bukit Dumbar (BD1), yang telah berkhidmat sejak tahun 1980.

Lokasi BD2 di Bukit Dumbar berdasarkan sebab-sebab strategik. Air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di tanah besar disalurkan ke Bukit Dumbar setiap hari menerusi dua saluran paip dasar laut berkembar. Dari Bukit Dumbar, air terawat itu kemudiannya dipam ke kawasan selatan pulau yang sedang mengalami pembangunan sosio-ekonomi yang pesat.

Ketika musim Super El Niño selama enam bulan pada tahun 2016 ini, BD1 memainkan peranan utama bagi memastikan tiada catuan air di kawasan-kawasan utama di dalam kawasan pulau.

Belajar daripada pengalaman Super El Niño dan melihat ke hadapan, PBAPP sentiasa membuat perancangan dan pelaksanaan projek-projek, seperti BD2, bagi meminimumkan risiko krisis air.

Selain itu, permintaan air di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 9.3% sejak tahun 2008, daripada purata 744 JLH kepada 813 JLH pada tahun 2015. Unjuran permintaan bagi tahun 2050 adalah 1884 JLH.

Pembangunan PBAPP di Bukit Dumbar disasarkan untuk meletakkan Pulau Pinang pada kedudukan yang lebih baik bagi menghadapi cabaran bekalan air esok. Di PBAPP, kita bekerja demi kepentingan Pulau Pinang di hati kerana kita berhasrat untuk memenuhi semua keperluan bekalan air di negeri ini dalam jangka masa panjang.

PBAPP sentiasa merancang ke arah 'tiada catuan air'.

Kita akan terus merancang dan bertindak untuk mengelak catuan air walau apa cara sekalipun... untuk manfaat 1.7 juta rakyat yang tinggal dan bekerja di sini, serta beribu-ribu perniagaan yang bergantung kepada bekalan air yang baik dan berterusan, 24/7, 365 hari setahun.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Contact : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my